

HSBC Balance Transfer Terms & Conditions

1. The HSBC Bank Malaysia Berhad (“HSBC”) Balance Transfer Programme (“Programme”) starts from 31 March 2007 (“Programme Period”) until such period to be determined by HSBC.
2. Eligible cardholders may transfer outstanding balances (including principal, accrued interest, finance and other charges as shown in the latest corresponding account statement(s)) (“Outstanding Balances”) from principal card account(s) relating to any other credit card(s) held by them (except an HSBC credit card) (“Other Card Accounts(s)”) to any approved HSBC credit card account held in their name (“HSBC Card Account”) subject to the Terms & Conditions herein. Approved Company, Corporate, Amanah and Credit Cards that bear the xxxx xxxx 6000 xxxx series within the Programme Period are not eligible.
3. This Balance Transfer Programme (“Programme”) is only open to Eligible Cardholders who are principal cardholders of HSBC credit cards and also principal cardholders of charge cards (billed in Ringgit Malaysia only) and credit cards issued by other banks and financial institutions properly licensed by Bank Negara Malaysia.
4. The minimum amount of Outstanding Balance to be transferred and approved is RM1,000 per plan and up to a maximum limit of RM50,000 per plan or 80% of the Eligible Cardholder’s assigned HSBC credit card limit minus any utilized amount, whichever is lower.
5. For purposes of these Terms and Conditions, “HSBC credit card limit” refers to the credit limit of the Eligible Cardholder’s HSBC Card Account.
6. Balance Transfer will normally be effected within 10 business days from the approval of the application for balance transfer. HSBC reserves the right, at its absolute discretion, to defer or refuse to effect the balance transfer under certain circumstances which include, but are not limited to, the following - (i) if the Outstanding Balances to be transferred exceed RM50,000 per plan or 80% of the Eligible Cardholder’s assigned HSBC credit card limit minus any utilised amount, whichever is lower; (ii) if the Outstanding Balances to be transferred do not meet the minimum prescribed amount of RM1,000 per plan; (iii) if the Eligible Cardholder’s HSBC Card Account has insufficient credit balance; (iv) circumstances beyond HSBC’s control; (v) where the balance transfer cannot be effected due to security reasons; (vi) the accounts of the other bank’s credit/charge card are not current or not in good standing. HSBC shall not be liable to the Eligible Cardholders if it defers or fails to effects the balance transfer pursuant to this clause.
7. HSBC will notify the Eligible Cardholder of the outcome of the balance transfer within 15 days from the date of the application received.
8. Where the Eligible Cardholder’s application is successful, payment will be make by the Bank to the Other Card Account(s) within 10 business days from the date of approval of the Eligible Cardholder’s application. Such payments will be effected in any manner the Bank deems appropriate including, but not limited to, payments made by way of cheques. Where payments are made by way of cheques, Eligible Cardholders are not allowed to collect the said Cheque(s).
9. Upon successful transfer of the Outstanding Balances to the Eligible Cardholder’s HSBC Card Accounts, the following finance charges shall be imposed on such Outstanding Balances: Plan 1: 6% per annum for a period of 6 months from the date of approval and/or Plan 2: 9% per annum for a period of 9

months from the date of approval and/or Plan 3: 12% per annum for a period of 12 months from the date of approval.

10. The Eligible Cardholder shall make the minimum payment of 5% of the Outstanding Balance as specified in the card statement and cannot transfer the Outstanding Balances to any other bank or financial institution during the period applicable to this Programme (“the Applicable Period”). If the Eligible Cardholder settles the amount in full or transfers the Outstanding Balances to any other bank or financial institution during the Applicable Period, HSBC reserves the right to debit the Eligible Cardholder’s HSBC Card Account(s) with an administrative fee of RM100 pursuant to this clause.
11. Once a specified amount of Outstanding Balances to be transferred has been approved, a corresponding amount of the Eligible Cardholder’s existing credit limit will be reserved for this purpose and shall not be available to the Eligible Cardholder until settlement of the said Outstanding Balances. HSBC shall not be liable to the Eligible Cardholder for any transactions rejected by merchants due to the unavailability of the amount so reserved under the Eligible Cardholder’s existing credit card limit. On the date of posting, this specified amount will then be utilised and finance charges will be charged thereon from the Date of Posting.
12. On the expiry of the special interest rate applicable to Plan 1 and/or Plan and/or 2 and Plan 3 respectively, the normal finance charge of 1.50% per month or 18% per annum will apply.
13. Until notification of approval pursuant to Clause 5 is received, Eligible Cardholders shall continue to be liable to make payment on their Other Card Accounts in accordance with the terms governing the same. HSBC shall not be liable for interest on any other charges as a result of the Eligible Cardholders’ and/or HSBC’s failure or delay in making payment before or after the Date of Posting. Save in respect of the amount of the Outstanding Balances approved by HSBC to be transferred to the Eligible Cardholder’s HSBC Card Accounts and without prejudice to their liability to HSBC on these Outstanding Balances, Eligible Cardholders shall continue to be directly liable to the respective banks and/or financial institutions which issued them their other credit cards for all other outstanding balances (principal, accrued interest, finance and other charges) on their Other Card Accounts whether such outstanding balances have been incurred before or after HSBC’s approval of the Eligible Cardholders’ application for the balance transfer.
14. HSBC has the absolute right to approve and transfer the whole or part of the amount of the Outstanding Balances applied for without prior notification to or the consent of the Eligible Cardholder. HSBC is not obliged to assign any reason to the Eligible Cardholders in respect to the exercise of its discretion pursuant to this clause.
15. These Terms and Conditions are in addition to the Cardholder Agreement, which regulates the provision of credit card facilities by HSBC. In the event of inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to this Programme.
16. Expressions defined in these Terms and Conditions shall, unless the context requires otherwise, have the same meanings as those ascribed to them in the Cardholder Agreement referred to in Clause 12 above. HSBC reserves the right to vary these Terms and Conditions from time to time, with prior written notice to the Eligible Cardholders of such variation.

17. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.
18. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of these Terms and Conditions, the English version shall prevail to the extent of such inconsistency.
19. Eligible Cardholders who succeed in their balance transfer applications will not be able to utilize the Cash Advance function of their HSBC credit card until the total balance transfer amount has been repaid in full.
20. For transfers to be made on or before the statement due date of the account to be transferred, the Eligible Cardholder's request must reach us at least 15 days prior to the statement due date. HSBC will not be responsible for any changes that may be imposed by the other issue(s) due to transfer delays.

Terma dan syarat Pindahan Baki Tertunggak

1. HSBC Bank Malaysia Berhad ("HSBC") Program Pindahan Baki Tertunggak ("Program") bermula dari 31 Mac 2007 ("Tempoh Promosi") sehingga tempoh yang ditentukan oleh HSBC.
2. Pemegang-pemegang Kad Layak boleh memohon untuk memindahkan baki tertunggak (termasuk jumlah pokok, faedah terakru, caj kewangan dan caj lain seperti yang ditunjukkan di dalam penyata akaun terkini) ("Baki Tertunggak") dari akaun kad berkaitan dengan mana-mana kad kredit yang dipegangnya (kecuali kad kredit HSBC Bank Malaysia Berhad) ("Akaun Kad Lain") ke mana-mana akaun kad kredit HSBC yang dipegangnya ("Akaun Kad HSBC"), tertakluk kepada terma dan syarat ini. Pemegang Kad Syarikat, Korporat, Amanah dan Kredit yang bernombor siri xxxx xxxx 6000 xxxx adalah tidak layak.
3. Program Pindahan Baki Tertunggak ("Program") hanya terbuka kepada pemegang-pemegang kad kredit HSBC utama dan juga pemegang kad utama kad caj (yang dibilkan dalam Ringgit Malaysia sahaja) dan kad kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia.
4. Jumlah minimum untuk Baki Tertunggak yang dipindah dan diluluskan adalah RM1,000 untuk setiap pelan dan sehingga had maksimum RM50,000 untuk setiap pelan atau 80% daripada had kredit Pemegang Kad Layak yang ditetapkan oleh HSBC setelah tolak amaun yang digunakan, atau yang mana lebih rendah.
5. Untuk tujuan terma dan syarat ini, "had kad kredit HSBC" ini merujuk kepada had kredit Akaun HSBC Pemegang Kad Layak.
6. Pindahan Baki biasanya berkuatkuasa dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh permohonan untuk pindahan baki diluluskan. Bank berhak, mengikut budi bicaranya, menunda atau menolak pindahan baki di dalam keadaan tertentu termasuklah, tetapi tidak terhad kepada yang berikut - (i) Jika Baki Tertunggak untuk dipindahkan melebihi RM50,000 untuk setiap pelan atau 80% daripada had kredit yang ditetapkan kepada Pemegang Kad Layak tolak amaun yang telah digunakan, yang mana lebih rendah; (ii) Jika baki Tertunggak untuk dipindahkan tidak menepati jumlah RM1,000 pindahan yang ditetapkan; (iii) Jika akaun kad Pemegang Kad Layak tidak mempunyai baki yang mencukupi; (iv) Keadaan-keadaan di luar kawalan HSBC; (v) Di mana pindahan baki tidak boleh dikuatkuasakan atas sebab-sebab keselamatan; (vi) Akaun kad kredit/caj dari

bank lain tidak semasa atau tidak mempunyai rekod baik. HSBC tidak bertanggungjawab ke atas Pemegang Kad Layak jika Pindahan Baki ditunda atau ditolak, mengikut klausa ini.

7. HSBC akan memberitahu Pemegang Kad Layak berhubung keputusan pindahan baki dalam tempoh 15 hari dari tarikh permohonan diterima.
8. Di mana Pemegang Kad Layak diluluskan, bayaran akan dibuat oleh Bank ke Akaun Kad Lain dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh permohonan Pemegang Kad Layak diluluskan. Bayaran ini akan dikuatkuasakan dalam apa jua cara difikirkan sesuai oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran yang dibuat dengan cek. Di mana bayaran dibuat dengan cek, Pemegang Kad Layak tidak dibenarkan mengambil cek tersebut.
9. Setelah pemindahan Baki Tertunggak ke Akaun Kad HSBC Pemegang Kad Layak berjaya dilakukan, caj kewangan berikut akan dikenakan bagi Baki Tertunggak tersebut: Pelan 1: 6% setahun selama 6 bulan bermula dari tarikh yang diluluskan dan/atau Pelan 2: 9% setahun selama 9 bulan bermula dari tarikh yang diluluskan dan/atau Pelan 3: 12% setahun selama 12 bulan bermula dari tarikh yang diluluskan.
10. Pemegang Kad Layak perlu membuat pembayaran minimum sebanyak 5% daripada Baki Tertunggak seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Kad dan tidak boleh meminda Baki Tertunggak seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Kad dan tidak meminda Baki Tertunggak ke bank atau institusi kewangan yang lain semasa tempoh permohonan Program ini ("tempoh berkenaan"). Jika Pemegang Kad Layak menyelesaikan jumlah sepenuhnya atau memindahkan Baki Tertunggak ke mana-mana bank atau institusi kewangan lain semasa tempoh berkenaan. HSBC berhak mendebit Akaun Kad HSBC Pemegang kad layak dengan yuran penyelesaian awal sebanyak RM100 mengikut klausa ini.
11. Sebaik sahaja jumlah Baki Tertunggak yang ditetapkan untuk pindahan diluluskan, jumlah yang bersama dengan had kredit sedia ada Pemegang Kad Layak akan dirizabkan untuk tujuan ini dan tidak boleh digunakan untuk Pemegang Kad Layak sehingga Baki Tertunggak tersebut dijelaskan. Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad Layak untuk sebarang urusan niaga yang ditolak oleh peruncit disebabkan oleh ketiadaan jumlah yang dirizabkan bawah had kad kredit Pemegang Kad Layak yang sedia ada. Pada tarikh catatan, jumlah yang ditetapkan ini akan digunakan dan caj kewangan akan dikenakan dari Tarikh Catatan.
12. Selepas tempoh kadar faedah istimewa bagi Pelan 1 dan/atau Pelan dan/atau 2 dan Pelan 3 masing-masing, caj kewangan biasa sebanyak 1.50% sebulan atau 18% setahun akan dikenakan.
13. Sehingga pemberitahuan kelulusan mengikut Klausa 5 diterima, Pemegang Kad Layak akan terus bertanggungjawab untuk membuat bayaran Akaun Kad Lain mengikut terma yang sama. HSBC tidak bertanggungjawab untuk faedah atas sebarang caj dikenakan akibat kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad Layak dan/atau HSBC untuk membuat bayaran sebelum atau selepas Tarikh Catatan. Kecuali jumlah Baki Tertunggak yang diluluskan oleh HSBC untuk dipindahkan ke Akaun Kad Pemegang Kad Layak dan tanpa prejudis terhadap liabiliti mereka kepada HSBC untuk Baki Tertunggak ini, Pemegang Kad Layak bertanggungjawab secara langsung kepada HSBC dan/atau institusi kewangan terbabit yang mengeluarkan kad kredit lain untuk semua tertunggak (jumlah pokok, faedah teraku, caj kewangan dan caj lain) atas Akaun Kad Lain sama ada

baki tertunggak tersebut ditanggung sebelum atau selepas HSBC meluluskan permohonan Pemegang Kad Layak untuk pindahan baki.

14. HSBC berhak sepenuhnya untuk melulus dan memindahkan seluruh atau sebahagian daripada jumlah Baki Tertunggak yang dipohon tanpa notis terlebih dahulu atau kebenaran Pemegang Kad Layak. HSBC tidak diwajibkan memberi sebarang alasan kepada Pemegang Kad Layak berhubung perlaksanaan haknya mengikut klausa ini.
15. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang memantau peruntukan kemudahan kad kredit oleh HSBC. Andainya berlaku percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diutamakan dalam soal-soal berhubung Program.
16. Pernyataan yang didefinisikan di dalam terma dan syarat ini, kecuali diwajibkan sebaliknya, mempunyai makna yang sama yang ditafsirkan di dalam Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang dirujuk dalam Klausa 12 diatas. HSBC berhak meminda terma dan syarat ini dari masa ke semasa dengan notis bertulis kepada pemegang kad layak mengenai pindahan tersebut.
17. Terma dan Syarat ini akan dikuasai oleh dan dianggap sebagai mematuhi undang-undang Malaysia.
18. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan dalam terma dan syarat versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris terma & syarat akan digunakan.
19. Pemegang Kad Layak yang berjaya dalam permohonan pemindahan baki mereka tidak boleh menggunakan fungsi Pendahuluan Tunai Kad Kredit HSBC mereka sehingga jumlah amaun pemindahan baki telah dibayar sepenuhnya.
20. Untuk memindahkan dana pada atau sebelum tarikh luput penyata akaun yang dipindahkan, permohonan Pemegang Kad Layak mestilah diterima oleh kami selewat-lewatnya 15 hari sebelum tarikh luput penyata. HSBC tidak bertanggungjawab ke atas sebarang caj yang mungkin dikenakan oleh pengeluar lain berikutan dengan kelewatan pemindahan.